

Kertas Bil. 9/2016



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KETIGA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 30 OKTOBER, 2 – 6 NOVEMBER DAN
11 – 13 NOVEMBER 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN
KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM DI BAWAH
JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG
TRADISI
KERTAS BILANGAN 90/2015**

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada)
90	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI	<p>5.1 Kerajaan Negeri hendaklah menyelesaikan masalah infrastruktur dengan menyediakan akses jalan kepada kawasan kampung, pembinaan utiliti seperti bekalan elektrik dan air serta akses kepada teknologi maklumat bagi menjana ekonomi setempat.</p> <p>5.2 Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa hendaklah mengkaji semula fokus dan teras program-program yang sedang dilaksanakan dan merangka program yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembinaan kemahiran yang khusus tetapi kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Contohnya program perniagaan yang mengajar dan menggantikan penggunaan sumber kewangan yang efektif dan memasarkan produk yang sesuai.</p>	√		<p>Peruntukan infrastruktur sebanyak RM15juta telah diluluskan bagi Pembangunan Luar Bandar pada tahun 2016. Daripada jumlah RM15juta tersebut, RM10juta digunakan untuk kerja-kerja menaiktaraf jalan-jalan kampung. Projek ini memfokuskan kepada jalan-jalan kampung yang belum didaftarkan di bawah peruntukan MARRIS dan juga jalan-jalan persendirian yang dijadikan laluan awam. Manakala peruntukan sebanyak RM5juta pula akan digunakan untuk menaiktaraf balairaya dan juga kedai PLB.</p> <p>Pembinaan utiliti bekalan elektrik dan air pula diuruskan oleh pihak TNB dan SYABAS. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyokong penuh pembinaan utiliti tersebut selaras dengan keperluan asas masyarakat di desa.</p>
			√		<p>Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa telah melaksanakan program usaha sama bersama Kolej INPENS dan Kolej ITKAU bagi melahirkan usahawan-usahawan yang berkemahiran. Program ini memberi fokus kepada penduduk desa yang berpendapatan rendah dan kurang kelayakan akademik. Antara pengisian kursus tersebut adalah berkaitan pengurusan kewangan dan sumber, serta strategi pemasaran untuk produk-produk yang dihasilkan oleh usahawan.</p>



Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
 AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam,
 ADAT MELAYU DAN WARISAN, PEMBANGUNAN DESA & KAMPUNG TRADISI
 Tingkat 2, Bangunan Sultan Salehudin Abdul Aziz Shah,
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada)
		5.3 Kerajaan Negeri hendaklah merangka program di mana <i>indigenous/local knowledge</i> penduduk kampung dalam bidang perubahan tradisional, kemahiran dalam kraf tangan, pertanian dan sebagainya dipasarkan kepada pasaran domestik dan antarabangsa. Contohnya, Kerajaan Negeri hendaklah bekerjasama dengan pakar-pakar dalam bidang tertentu untuk mendapatkan piawaian ISO bagi produk-produk yang dihasilkan oleh penduduk kampung tersebut.	√		Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Tetap Usahawan dan Jawatankuasa Tetap Pertanian untuk melaksanakan kursus-kursus keusahawanan dan agrotani yang lebih komprehensif bagi melahirkan usahawan yang berdaya saing. Contohnya Kursus Pendaftaran Perniagaan dan Perlindungan Harta Intelek, Peluang Pemasaran Produk ke Pasar raya Besar seperti Giant, Pensijilan Halal dan Barcode, Bengkel Simplified Facebook Marketing, Kursus Pembedorangan di China dan lain-lain kursus. Selain itu, terdapat juga kursus yang berkaitan perubahan tradisional diadakan dengan kerjasama Kolej ITKAU iaitu Kursus Stimulotherapy. Kursus ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada peserta dan telah berjaya meningkatkan pendapatan peserta tersebut. Selain itu, peserta yang mengikuti kursus tersebut adalah dipantau di bawah Persatuan Pengamal Stimulotherapy Malaysia (PESTIMAL) dan diiktiraf di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
		5.4 Kerajaan Negeri hendaklah meningkatkan kesedaran penduduk kampung dalam penggunaan sumber setempat dengan efektif tanpa memudaratkan alam sekitar. Contohnya, Kerajaan Negeri hendaklah memberi insentif untuk menggalakkan kitaran semula dilaksanakan.	√		Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa telah berusaha untuk meningkatkan kesedaran penduduk kampung dalam penggunaan sumber setempat melalui Pertandingan Kampung Tradisi Terbaik. Di dalam program ini, antara kriteria penilaian untuk kampung terbaik adalah kriteria kebersihan



Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGURUS JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAL AGAMA ISLAM,

ADAT MELAYU DAN WARISAN, PEMBANGUNAN DESA & KAMPUNG TRADISI

Tingkat 2, Bangunan Sultan, Sallehudin Abdul Aziz Shah,

45003 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan/Tindakan MMKN (jika ada)
					<p>kampung yang mana jawatankuasa kampung yang dapat menerapkan program kitar semula akan diberikan markah yang tinggi.</p> <p>Selain itu, Kerajaan Negeri turut menggalakkan program "1 Produk, 1 Kampung" supaya penduduk kampung dapat menggunakan sumber di kampung secara optimum di samping produk yang dihasilkan oleh kampung tersebut menjadi satu sumber ekonomi untuk orang-orang tempatan.</p>
		<p>5.5 Kerajaan Negeri hendaklah sentiasa memberikan maklum balas mengenai arus permintaan produk-produk yang dihasilkan oleh penduduk kampung serta pembaharuan teknologi yang sedia ada supaya penduduk kampung dapat meningkatkan kualiti serta pemasaran produk yang lebih efektif kepada pembeli.</p>	√		<p>Di dalam Pertandingan Kampung Tradisi Terbaik juga, penilaian telah dibuat berkaitan ekonomi dan sumber kekayaan baru di desa. Kriteria ini antara lainnya menilai dan memberikan penghargaan kepada penduduk kampung yang menggunakan kebolehan, kemahiran, kreativiti dan inovasi untuk mencipta produk-produk baru dan mencipta kaedah/teknologi yang dapat meningkatkan kualiti, produktiviti dan daya saing sesebuah produk.</p>
		<p>5.6 Kerajaan Negeri hendaklah menerangkan dasar Kerajaan Negeri dalam menjana ekonomi setempat kepada penduduk kampung supaya program-program yang dilaksanakan oleh penduduk kampung itu sendiri adalah sejajar ataupun selari dengan dasar Kerajaan Negeri.</p>	√		<p>Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa telah mengadakan jelajah turun padang ke 9 buah daerah di negeri Selangor bermula tahun 2015 yang dikenali dengan Karnival Kampung Kesayanganku (3K). Karnival ini diadakan untuk mendekatkan Kerajaan Negeri kepada penduduk kampung di samping menjadi medium penyebaran maklumat bagi dasar-dasar</p>



Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)

PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAL AGAMA ISLAM,

ADAT MELAYU DAN WARISAN, PEMBANGUNAN DESA & KAMPUNG TRADISI

Tinglat 2, Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah,

40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada)
					<p>Kerajaan Negeri yang terkini.</p> <p>Selain itu bermula tahun 2015, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa telah mengadakan Kursus Kemahiran Jangka Pendek yang telah dihadiri oleh 600 orang peserta yang melibatkan kos sebanyak RM210,124.00. Manakala bagi program Industri Komuniti Kampung, peruntukan sebanyak RM793,300.00 telah digunakan dan telah dihadiri oleh 95 orang peserta. Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sebanyak RM1,350,000.00 untuk pembinaan dataran niaga di sembilan (9) buah kampung yang mewakili daerah di negeri Selangor. Pembinaan dataran niaga dan naiktaraf kedai PLB ini diharapkan untuk memberi wajah baru bagi pasar malam di negeri Selangor yang menjadi tempat masyarakat kampung berniaga dan menjana ekonomi setempat.</p>



Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam

ADAT MELAYU DAN WARISAN, PEMBANGUNAN DESA & KAMPUNG TRADISI

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40603 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.